

Taman Melayu: Konsep dan Pelestariannya dalam Dunia Modern

Malay Garden: Concept and Survivability in the Modern World

MD AZALANSHAH MD SYED, AZIZAH HAMZAH & HALIJAH IBRAHIM

ABSTRAK

Kajian kualitatif ini memfokuskan kepada konsep pembinaan taman dalam pelestarian ilmu pengetahuan dan kecemerlangan Melayu. Taman merupakan suatu konsep penting dalam seni dan budaya Melayu. Keunikan taman disebut dalam pelbagai manuskrip lama atau hikayat Melayu dan biasanya dihubungkaitkan sebagai kawasan larangan yang hanya boleh digunakan oleh keluarga diRaja dan golongan bangsawan. Kewujudan taman dalam budaya Melayu memberikan dua aspek pemahaman mengenai kearifan tempatan itu sendiri. Pertama, daya imaginasi tempatan yang mendorong kepada konsep pembinaan taman yang setanding dengan ketamadunan lain di dunia ini. Kedua, tumbuhan yang tidak sahaja menjadi lanskap estetika pembinaan sesebuah taman malah menyumbang kepada kemajuan ilmu perubatan tradisi dalam merawat penyakit tempatan. Meskipun sumber dan kajian terdahulu yang wujud dalam bentuk manuskrip atau hikayat lama, laporan kolonial Barat, filem klasik Melayu dan kajian sarjana tempatan menyebut dengan jelas mengenai taman Melayu, dapatan ini masih lagi tidak memberikan takrifan dan model yang lengkap dan tersusun untuk digunakan oleh khalayak massa bagi tujuan pembinaan sebuah taman yang boleh dipanggil sebagai Taman Melayu. Justeru, kajian ini mengemukakan suatu konsep taman Melayu bagi tujuan pelestarian dan pemeliharaan pengetahuan kecemerlangan Melayu. Selain itu, kajian ini turut mengemaskini senarai tumbuhan dan kedudukannya yang lebih bersifat sistematik yang seterusnya memberikan pandangan baharu mengenai konsep taman Melayu dari segi takrifan, tafsiran dan pelan pembangunannya.

Kata kunci: Taman Melayu; lanskap keras; lanskap lembut; kearifan tempatan; Hikayat Melayu

ABSTRACT

This qualitative study focuses on the concept of Malay garden in the preservation of Malay knowledge and excellence. The garden is an important concept in Malay art and culture. The uniqueness of garden is mentioned in a variety of old manuscripts and Malay Hikayat and typically associated as a prohibited area that can only be accessed by royal families and nobles. The existence of garden in Malay culture provides two aspects of understanding of the local Malay wisdom. First, the local imagination that drives the concept of garden design is comparable to other world civilisations. Secondly, plants that contributed to the aesthetic landscape and the advancement of traditional medicine knowledge for treating local diseases. Despite the earlier sources and studies from the old Malay manuscripts or folklores, Western colonial reports, Malay classical films and local scholarly studies that explicitly mentioned about the Malay garden, there is no accurate definition or structured concept that potentially can be applied by the public to contextualise the Malay Garden. Hence, this study presents a definition and concept of the Malay garden for the purpose of preservation of knowledge and Malay excellence. Additionally, this study also updates the list of plants and its systematic position and thus provides a new perspective on Malay garden in term of definition, interpretation and its development plan.

Keywords: Malay Garden; hard landscape; soft landscape; local wisdom; Malay Epics

PENDAHULUAN

Taman dan lanskap merupakan suatu entiti penting yang menyumbang kepada pembinaan sesebuah

tamadun. Sebagai contoh, taman tergantung Babylon menjadi suatu kemegahan Tamadun Mesopotamia dan dianggap sebagai salah satu tujuh keajaiban di dunia (Dalley 2013). Di Asia,

ketamadunan China meletakkan taman sebagai suatu perasaan artistik yang lahir daripada keintiman individu dengan alam semulajadi (Clunas 2013). Menurut Francis dan Hester (1990), taman membawa pelbagai pengertian berdasarkan konteks yang tertentu. Dari sudut keagamaan misalnya, taman memberi suatu gambaran mengenai syurga, keharmonian, godaan, dosa dan kedamaian yang wujud sama ada secara bersama atau individu. Hunt (2000) menyatakan bahawa taman adalah bentuk kesempurnaan pembinaan sesebuah tempat manakala Alon-Mozes (2004) menyimpulkan taman sebagai suatu lokasi simbolik yang terhasil daripada usaha manusia dalam mentafsirkan konsep syurga di muka bumi.

Dalam pada itu, tradisi kesusasteraan Parsi menyatakan bahawa “pardis” atau taman berasal daripada perkataan “paridaiza” yang boleh diterjemahkan sebagai taman bertembok yang bercahaya dan mewangi serta didiami oleh sebilangan makhluk yang indah dan suci (Babaei 1997; Mahmoudi, Bahareh dan Elmira 2016). Pada masa yang sama, seperti yang dinyatakan oleh Francis dan Hester (1990), taman juga berfungsi untuk memaparkan kuasa politik atau individu. Malahan, sebahagian besar ahli sejarah menjadikan taman dalam menerangkan penggunaan kuasa atau status sosial pada zaman yang tertentu. Namun, pandangan Franciz dan Hester (1990) ini telah ditekankan lebih awal oleh Duncan (1973: 334) yang menyatakan bahawa lanskap kediaman seseorang individu merupakan suatu faktor penting dalam pembinaan imej kendiri yang biasanya dipaparkan kepada masyarakat umum.

Ini kerana lanskap kediaman menjadi salah satu asas penting untuk mengenalpasti kelas sosial dalam masyarakat. Selain itu, taman dalam konteks global juga menjadi sumber penting untuk tujuan perubatan. Tumbuhan yang menjadi aspek utama dalam pembinaan sesebuah taman tidak sahaja memberikan nilai estetika malah turut menyediakan pelbagai khasiat perubatan bagi tujuan penyembuhan penyakit. Agelet, Bonet dan Vallés (2000) dan Janzen (1999) menyatakan bahawa manusia acapkali menggunakan tumbuhan secara optimum khasnya yang berdekatan dengan kehidupan mereka. Justeru, taman khususnya yang wujud dalam kawasan kediaman merupakan suatu ruang yang sering dicerakinkan secara terperinci dalam menerangkan proses kehidupan manusia khasnya peranan yang bersifat asas seperti sumber makanan dan perubatan.

Dalam budaya Melayu pembinaan taman merupakan antara unsur penting yang menjadi pelengkap kepada sesebuah kediaman. Namun, konsep taman dalam budaya Melayu saling melengkapi dalam keseluruhan aspek yang melibatkan sejarah, ekonomi, sosial, perubatan, dan kecemerlangan ketamadunan Melayu itu sendiri. Tidak seperti ketamadunan Barat, China dan India yang mempunyai takrifan yang lengkap mengenai taman, konsep taman dalam dunia Melayu tidak begitu jelas. Ini kerana binaan taman dalam kebanyakan tamadun dunia mempunyai gambaran dan ciri yang jelas dan dilestarikan sehingga ke hari ini. Sebagai contoh, taman Bali mempunyai binaan dan tumbuhan mesti seperti pintu gerbang, pohon kemboja dan kolam (Davison 2014). Meskipun laporan manuskrip, hikayat serta filem klasik Melayu pernah menyebut atau memberi gambaran visual mengenai taman Melayu, konsepnya masih lagi kabur dari segi rekaan dan susunan tanaman di dalamnya.

Gambaran serta konsep taman Melayu turut tidak dijelaskan dalam Dasar Lanskap Negara (KPKT 2011). Ini kerana dasar tersebut lebih menumpukan kepada pengertian dan pemeliharaan lanskap secara umum melalui penekanan kepada warga Malaysia untuk mengurus, memelihara dan menjaga kebersihan serta kehijauan lanskap fizikal negara. Walaupun istilah taman disebut dalam slogannya - Malaysia Negara Taman Terindah - tiada panduan atau definisi lengkap yang menghusus kepada konsep taman Melayu sebagai salah satu elemen penting kepada kecemerlangan tamadun Melayu. Namun, apa yang lebih penting, kewujudan taman dalam dunia Melayu telah mengetengahkan aspek pemahaman penting mengenai kemampuan masyarakat Melayu sebagai sebuah tamadun yang cemerlang.

Pertamanya, daya imaginasi tempatan yang mampu mewujudkan konsep pembinaan taman yang setanding dengan ketamadunan lain di dunia ini. Daya imaginasi biasanya digunakan oleh masyarakat tempatan untuk menghasilkan siri binaan yang bersifat semulajadi dan mewujudkan ketenangan. Keadaan ini dinyatakan dengan jelas dalam *Hikayat Merong Mahawangsa* menerusi objek seperti tempayan, guri dan pepohon kayu (Siti Hawa 1992). Dalam tamadun Melayu, taman juga memberi suatu konotasi ruang lingkup peribadi yang hanya boleh digunakan oleh ahli keluarga sahaja. Sebagai contoh, *Hikayat Inderaputra* telah menyebut binaan seperti pintu gerbang yang

memberikan perlambangan tentang larangan dan keizinan (Ali 2000).

Selain itu, tumbuhan atau tanaman yang menjadi pelengkap kepada estetika taman Melayu turut menjadi penanda aras kepada kemajuan dan pelestarian ilmu perubatan tradisional tempatan. Menurut Arba'iyah (2014), terdapat pelbagai bukti awal yang menyatakan tentang peranan pengamal perubatan tradisional Melayu dan kedekatan mereka dengan ubat-ubatan yang berasaskan herba. Sebagai contoh, kebanyakannya kitab-kitab awal Melayu seperti *Kitab Tib*, *Bustan al-Salatin*, *Sulalat al-Salatin*, *Misa Melayu*, *Hikayat Raja Muda*, *Hikayat Gul Bakawali* dan *Tuhfat al-Nafis* telah menyebut dengan jelas mengenai keberkesanan penggunaan ubatan-ubatan herba yang dicerakinkan dengan peranan bomoh dan kuasa sakti untuk mengubati penyakit (Arba'iyah 2014: 25-28). Selain itu, *Hikayat Hang Tuah* turut menyenaraikan puluhan spesis tumbuhan herba yang berpotensi untuk tujuan perubatan (Zakaria, Salleh & Rashid 2014).

KONTEKS DAN KONSEP TAMAN MELAYU

Menurut Kaboudarahangi, Tahir dan Kamal (2014), meskipun taman merupakan suatu simbol identiti nasional, takrifannya berhadapan dengan pelbagai cabaran termasuklah persekitaran sosial di negara ini yang berasaskan kaum dan kumpulan etnik. Tambahan lagi, kebanyakannya rekaan lanskap termasuk taman di negara ini dibentuk berdasarkan idea yang diambil dari luar bagi mewujudkan keindahan estetika dan keperluan pemeliharaan semasa (Kaboudarahangi, Tahir & Kamal 2013; Hussain & Byrd 2012). Keadaan ini ditekankan oleh Kamsah (1997) dan turut diakui oleh Anisa et al. (2012) yang menyatakan bahawa kekurangan pengetahuan mengenai lanskap budaya tempatan dan kecenderungan terhadap pengaruh popular dari Bali dan Inggeris telah menghakis pemeliharaan identiti kemelayuan dalam pembinaan taman.

Seperti yang dilaporkan oleh ramai sarjana dunia dan ketamadunan Melayu, konsep taman telah disebut dalam pelbagai hikayat Melayu. Namun, takrifannya lebih cenderung kepada suatu kawasan larangan yang terhad kepada keluarga diRaja dan bangsawan. Sebagai contoh, dalam *Hikayat Gul Bakawali* telah diterangkan dengan jelas bahawa taman diraja yang menjadi lokasi bunga Bakawali adalah kawasan larangan dan dijaga rapi sehingga tidak boleh dilintasi oleh burung dan dewa-dewi

(Siti Hawa 1986). Meskipun *Hikayat Gul Bakawali* merupakan saduran daripada hikayat India, terdapat juga naskah yang ditulis di alam Melayu yang menyebut tentang taman larangan dan tanaman yang menjadi keunikan sehingga menjadi larangan kepada rakyat biasa. Dalam *Hikayat Hang Tuah* konsep taman tidak sahaja menjadi tempat untuk tumbuhan tertentu tetapi menjadi ruang peribadi kepada kerabat diRaja untuk berhibur dan membersihkan diri. Contohnya, taman mandi Tun Teja merupakan kawasan larangan dan terhad untuk keluarga dan pekerja istana. Selain itu, terdapat beberapa tumbuhan disebut dengan jelas seperti pohon limau dan kelapa (Kassim 1997).

Sejarah Melayu turut menyatakan bahawa taman merupakan tempat rundingan sosial dan ini dinyatakan menerusi pertemuan antara Tun Mamad dengan Dang Raya Rani untuk peminangan Puteri Gunung Ledang (Shellabear 1994). Dalam pada itu, Ismail et al. (2015) telah menekankan kepentingan taman yang menjadi lambang identiti golongan diRaja dan bangsawan melayu. Misalnya, sesetengah Hikayat Melayu seperti *Bustan al-Salatin* melaporkan Sultan Iskandar Thani telah membina suatu taman yang digelar Taman Ghairah yang meliputi kawasan bukit-bukau yang dinamakan Gegunungan Menara Permata, sungai yang bergelar Dar-Al Isyki serta kawasan makam diRaja. Menurut laporan manuskrip Melayu lama, seperti yang dinyatakan oleh Zakaria, Salleh dan Rashid (2014), tumbuhan yang menjadi identiti taman Melayu boleh dibahagikan kepada empat kategori berdasarkan fungsinya iaitu estetika dan kecantikan, pohon herba, pohon yang berbuah dan pohon besar.

Selain itu, Hamilton dan Holttum (1933) melaporkan bahawa terdapat beberapa tumbuhan yang menjadi ciri penting dalam pembinaan taman dalam masyarakat Melayu. Antaranya termasuklah Balong Ayam, Bakawali, Inai, Cempaka, Puding, Kemboja, Kelang, Jadam dan Ati-Ati. Namun, penggunaan herba menjadi tumpuan utama dan sering diperhalusi oleh sarjana dalam pelbagai aspek fungsi dan nilainya (Arba'iyah 2014; Harun 2015; Salfarina & Daniel 2013; Aishah & Abdul 2010; Werner 2002). Namun, kajian ini terhad dari sudut penyenaraian tanaman tanpa meletakkan aspek sejarah, ekonomi, sosial dan perubatan secara holistik. Selain tanaman herba, aspek lain yang menjadi tumpuan sarjana ialah struktur binaan dan rekaan taman Melayu seperti yang dicatatkan dalam manuskrip lama (Zakaria et al. 2015; Zakaria, Salleh & Rashid 2014; Zakaria, Salleh & Rashid 2013a;


Ismail et al. 2015). Sebagai contoh, Zakaria, Salleh & Rashid (2014) menyatakan bahawa konsep taman Melayu amat menekankan fungsi dan rekaan yang boleh mewujudkan keharmonian khususnya dari sudut dalaman dan luarannya.

Rekaan taman Melayu telah dinyatakan lebih awal menerusi tradisi penulisan berdasarkan manuskrip Melayu lama. Seperti yang dinyatakan oleh Ismail et al. (2015), Hikayat Melayu *Bustan As-Salatin* menekankan kepentingan beberapa binaan di dalam taman diRaja seperti singgahsana yang menjadi tempat raja bersidang yang dinamakan Kembang Senja Berkerawang, balairung dan tasik yang dipenuhi dengan bunga-bungaan yang bergelar Kolam Jentera Hati. Tambahan lagi, beberapa spesis tanaman penting seperti Cempaka, Melur dan Kenanga menjadi sebahagian daripada rekaan dan identiti taman diRaja. Pengetahuan mengenai taman Melayu turut diketengahkan menerusi budaya popular seperti filem-filem klasik Melayu.

Selain hikayat dan manuskrip Melayu, filem-filem Melayu klasik khususnya yang menampilkan naratif hikayat dan cerita istana seringkali mengetengahkan adegan yang berlatarkan taman dalam konteks masyarakat Melayu dahulu kala. Zakaria, Salleh & Rashid (2013b) dalam

usahaanya mengetengahkan konsep Taman Melayu berdasarkan visual filem Melayu klasik seperti *Hang Tuah* (1956), *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Batu Belah Batu Bertangkup* (1959), *Nujum Pak Belalang* (1959) dan *Bawang Puteh Bawang Merah* (1959) telah menyenaraikan beberapa tumbuhan penting yang digunakan sebagai garapan awal peralatan lakon khasnya dalam adegan yang melibatkan taman. Sebagai contoh, terdapat dua komponen penting dalam rekaan taman Melayu, iaitu lanskap lembut yang biasanya terdiri daripada tumbuhan dan lanskap kasar yang merupakan objek binaan oleh manusia (Zakaria, Salleh & Rashid 2013a). Meskipun kedua-dua kajian ini tidak memberikan takrifan dan gambaran model taman Melayu yang bersepadu termasuklah butiran lengkap mengenai pemilihan serta kedudukan flora yang tepat, dapatan yang dikemukakan memberikan panduan berguna kepada kajian semasa.

Sementara itu, Anisa Ani et al. (2012) telah mengemukakan beberapa pembahagian kawasan taman di Melaka berdasarkan aktiviti tertentu. Antaranya termasuklah taman di bahagian dapur, taman di bahagian hadapan dan sisi rumah, serta kebun yang biasanya terletak di bahagian belakang rumah. Pengamatan Ani, Mohamed



RAJAH 1. Lakaran visual Taman Melayu

& Rahman (2012) diperkuuhkan oleh dapatan Najiha & Nor Zalina (2016) yang menyimpulkan taman Melayu Melaka dan Kelantan secara tradisi biasanya dibahagikan kepada tiga kawasan kecil iaitu bahagian hadapan, sisi dan belakang rumah. Namun apa yang lebih penting, Najiha & Nor Zalina (2016) turut menekankan bahawa konsep taman Melayu mesti dibina berdasarkan keperluan dan aktiviti harian isi rumah. Walaupun Ani, Mohamed & Rahman (2012) dan Najiha & Nor Zalina (2016) tidak menggunakan manuskrip Melayu atau pemaparan filem klasik, dapatan kajian mereka mempunyai kepentingan tersendiri dalam meyumbang kepada konsep taman Melayu. Apatah lagi, pentakrifan konsep taman Melayu itu masih lagi kabur dan tidak dijelaskan sepenuhnya.

Bagi mengisi jurang dapatan dan penambahbaikan terhadap konsep taman Melayu, kajian ini mengemukakan suatu model taman Melayu yang tersusun dari segi seni bina, pemilihan dan penentuan lokasi flora serta lanskap keras seperti kolam dan wakaf. Dari sudut konteks, taman Melayu ini lebih bercirikan taman larangan yang bermotifkan sisi peribadi isi rumah. Secara ringkas, taman Melayu boleh ditakrifkan sebagai suatu kawasan di sekeliling rumah kediaman yang diwujudkan selepas suatu proses pemilihan (estetik, perubatan, makanan, upacara, aromatik) dan susunan flora terpilih yang mengisi kekosongan ruang di bahagian hadapan, sisi dan belakang. Selain rumah kediaman, taman Melayu juga dilengkapi dengan wakaf yang biasanya diletakkan di bahagian sisi depan rumah bagi tujuan santai, dan kolam - sama ada untuk tujuan aktiviti libur atau estetika - di bahagian belakang rumah yang kesemuanya menggambarkan suatu simbol ruang peribadi, pusat komunikasi keluarga serta rasa kebanggaan individu. Namun, takrifan ini bergantung kepada konteks lokasi petempatan masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia.

KEARIFAN TEMPATAN DAN PELESTARIAN SEBAGAI SUATU PENDEKATAN KAJIAN

Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal, daya imaginasi dan pengetahuan masyarakat Melayu terhadap kegunaan tumbuhan menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai kearifan yang cemerlang. Kearifan ini ditonjolkan dalam pembinaan taman dan penggunaan tumbuhan itu sendiri dalam kehidupan sehari-hari sebagai sumber

makanan dan perubatan. Kearifan tempatan sebagai suatu konsep atau pendekatan dalam dunia akademik telah menarik ramai perhatian sarjana. Menurut Kumalah et al. (2017), kearifan tempatan dianggap sebagai suatu kumpulan pengetahuan yang menjadi amalan kepada suatu komuniti dalam ruang lingkup geografi yang tertentu. Namun, konsep kearifan tempatan adalah bersifat pelbagai kerana tafsiran mengenainya amat bergantung kepada konteks dan citra sesebuah masyarakat. Ini kerana, seperti yang ditekankan oleh Cheong (2002), setiap negara dan masyarakat tempatan mempunyai konteks sosial, ekonomi dan budaya yang unik. Justeru, adalah tidak adil jika kearifan tempatan sesebuah masyarakat atau negara dilihat lebih baik daripada yang lainnya. Sementara itu, Demaio (2011) menyatakan bahawa kearifan tempatan merupakan suatu pegangan sumber ilmu yang bersifat dinamik, sentiasa berevolusi dan disebarluaskan dalam masyarakat dengan mengambilkira pemahaman terhadap persekitaran alam dan budaya setempat.

Kearifan tempatan turut dikenali sebagai pengetahuan natif atau pribumi dan sifatnya tidak tertakluk hanya sebagai suatu konsep. Ini kerana, kearifan tempatan menjadi suatu alat yang penting dan digunakan dalam pelbagai masyarakat di merata negara untuk pelbagai tujuan (Demaio 2011). Namun, pandangan Gadgil, Berkes & Folke (1993) mengenai kearifan tempatan terutama kepentingannya dalam pemeliharaan biodiversiti boleh dianggap sebagai kefahaman yang penting kepada pembentukan sesebuah binaan termasuklah taman dan lanskapnya. Ini kerana mereka melihat tradisi masyarakat pribumi yang mewariskan sumber dan amalan keilmuan daripada suatu generasi kepada suatu generasi yang lain dengan mengambilkira aspek-aspek kemanusiaan dan alam sekitar. Selain itu, Gadgil, Berkes & Folke (1993) turut menyatakan bahawa masyarakat pribumi yang bergantung pada sumber alam persekitaran tempatan akan memberikan kepentingan kepada pemuliharaan yang menyumbang kepada peningkatan biodiversiti setempat. Keadaan ini amat penting kerana kesinambungan biodiversiti tidak hanya penting kepada keseimbangan ekosistem tetapi menjadi sumber utama dalam kehidupan. Malahan, kebergantungan terhadap biodiversiti mendorong masyarakat pribumi untuk menjaga dan memeliharanya secara berterusan.

Kecenderungan masyarakat pribumi menggunakan kearifan dan pengetahuan lokal untuk tujuan pengekalan sumber alam semulajadi

dalam persekitaran mereka meletakkan kepentingan proses pelestarian sebagai salah satu aspek penting kewujudan taman khasnya dalam konteks masyarakat Melayu di negara ini. Harte (1995) yang bersetuju dengan tafsiran beberapa orang sarjana lain seperti Costanza (1991) dan Pearce (1988) mendefinisikan pelestarian sebagai jumlah penggunaan yang boleh dikekalkan tanpa mengubah atau menurunkan kadar simpanan modal. Dari sudut saintifik, pelestarian adalah suatu ilmu yang menumpukan kepada interaksi dinamik antara alam dan masyarakat. Interaksi ini turut meliputi pemupukan dan penggunaan pengetahuan mengenai sifat semulajadi bumi yang diperolehi daripada ilmu sains pencejarahan seperti geologi dan ekologi yang dicerakinkan dengan pengetahuan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan. Dalam pada itu, Heinberg & Lerch (2010) menyatakan bahawa pelestarian telah menjadi rukun tradisi yang penting dalam kehidupan masyarakat pribumi. Justeru, adalah amat jelas bahawa kearifan tempatan dan pelestarian menjadi pemangkin utama kepada konteks dan konsep taman dalam masyarakat Melayu. Keadaan ini turut berdasarkan oleh kebanyakan kajian lepas yang memperincikan kearifan tempatan sebagai suatu hasil interaksi masyarakat pribumi dengan alam persekitaran yang menghasilkan binaan taman untuk pelbagai tujuan termasuklah sumber makanan, perubatan dan estetika (Anisa Ani et al. 2012; Ani, Mohamed & Rahman 2012; Zakaria, Salleh & Rashid 2013a; 2013b; Najiha & Nor Zalina 2016).

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan kaedah pemerhatian turut serta serta temubual mendalam bersama pakar rujuk dan kurator muzium di tiga lokasi kajian terpilih, iaitu Muzium Negeri Terengganu, Desa Paku dan Taman Seribu Bunga Melaka. Lokasi ini dipilih atas beberapa kewajaran termasuklah kedekatannya dengan ketamadunan Melayu dan usaha berterusan yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan dalam proses pelestarian taman Melayu. Sebagai contoh, Muzium Negeri Terengganu ditubuhkan pada tahun 1976 dengan objektif utamanya iaitu untuk menjadi sebuah pusat pemeliharaan dan rujukan kearifan tempatan (museum.terengganu 2019). Kedua-dua matlamat utama ini diterjemahkan melalui pelbagai usaha pemeliharaan dan pemuliharaan

secara kreatif dan inovatif termasuklah seni rumah Melayu Terengganu yang turut meliputi lanskap halaman dan seni taman. Selain Terengganu, Melaka juga menjadi kawasan kajian terpilih lantaran kedekatannya dengan ketamadunan awal Melayu. Misalnya, Taman Seribu Bunga yang berkeluasan 5.3 hektar bersebelahan Kompleks Seri Negeri, Melaka menyimpan pelbagai spesies flora yang terdiri daripada tumbuhan berbunga dan herba tempatan (MPHTJ 2019). Desa Paku di Alor Gajah, Melaka yang menyimpan lebih daripada 200 spesis tumbuhan khasnya *Heleconia* atau Pokok Sepit Udang (Gardenasiagram 2019) dan Istana Seri Menanti Negeri Sembilan yang memberikan suatu gambaran awal mengenai kediaman dan seni lanskap taman diRaja dalam konteks dunia Melayu (Utusan Malaysia 2016).

Selain itu, kajian ini turut menggunakan manuskrip, hikayat dan filem klasik Melayu lama sebagai rujukan tambahan dalam usaha mengesan ketepatan lakaran lanskap, jenis dan susunan tumbuhan dalam taman Melayu. Manuskrip dan hikayat Melayu seperti *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Inderaputra*, *Kitab Tib, Bustan al-Salatin, Sulalat al-Salatin, Misa Melayu*, *Hikayat Raja Muda*, *Hikayat Gul Bakawali*, *Hikayat Gul Bakawali*, *Tuhfat al-Nafis* dan *Hikayat Hang Tuah* telah menyediakan gambaran awal dalam bentuk teks penulisan mengenai pembinaan dan kepentingan taman dalam tradisi masyarakat Melayu. Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal artikel ini, istilah seperti kawasan dan taman larangan, tempat bersiram dan sebagaimana disebut dengan jelas dalam manuskrip dan hikayat Melayu. Ruggles (2011) misalnya telah menyatakan bahawa kepentingan manuskrip dan hasil penulisan lama seperti puisi dalam penyediaan visual serta reka bentuk seni taman Islam. Sebagai contoh, catatan Ibnu Battuta dan puisi oleh Firdawsi memberi maklumat awal mengenai seni bin ataman dalam dunia Islam.

Pada masa yang sama, filem-filem klasik Melayu seperti *Hang Tuah* (1956), *Pendekar Bujang Lapok* (1959), *Batu Belah Batu Bertangkup* (1959), *Nujum Pak Belalang* (1959) dan *Bawang Puteh Bawang Merah* (1959) amat penting dalam memberi makluman secara langsung menerusi pemaparan visual dan prop yang digunakan khasnya binaan istana dan taman yang menjadi sebahagian daripada tema penceritaan. Dalam membincangkan filem sebagai landasan pemakluman ilmu khususnya dari zaman lampau, sarjana seperti O'Connor (1988)

menyatakan bahawa adalah perlu untuk diberikan pengiktirafan terhadap genre media ini sebagai bukti dalam sebarang kajian akademik. Ini kerana terdapat anggapan bahawa *props* atau peralatan lakon yang digunakan dalam kebanyakan lokasi filem Melayu misalnya, adalah tidak lebih daripada sekadar lakonan lantaran pemasangan kamera bagi tujuan rakaman untuk mendapatkan impak tertentu, boleh merumitkan penggunaannya sebagai bukti akademik yang meyakinkan. Apatah lagi, adegan seni bina taman dalam kebanyakan filem Melayu lebih terarah kepada imaginasi yang berdasarkan lisan dan dibentuk secara berhemah bagi memberikan impak yang baik kepada khalayak penonton. Namun, menurut O'Connor (1988), adegan yang dibentuk dan dilakukan secara berhati-hati mampu memberi nilai tertentu kepada filem sebagai sumber akademik.

Setiap aktiviti pemerhatian khasnya yang melibatkan lanskap keras dan lembut akan direkodkan serta dikemaskini bagi tujuan perbandingan dengan kajian sedia ada. Pada masa yang sama, kesemua temubual mendalam yang dijalankan akan melalui proses transkripsi bagi membolehkan setiap item atau cadangan yang dikemukakan boleh direkodkan dengan teratur. Kajian ini turut mendapatkan khidmat rundingan arkitek lanskap bertauliah bagi menjelaskan lagi imaginasi rekaan taman Melayu dalam bentuk visual. Dapatkan kajian yang bersumberkan manuskrip, hikayat, filem klasik, temubual dan pemerhatian di lapangan menuntut kajian ini bersifat lebih rentas disiplin, seperti yang biasa dilakukan dalam mana-mana kajian yang berpaksikan kepada disiplin kemanusiaan dan sains sosial (Carneiro Menezes & Mesquita 2004; Bors-Oprisa & Tanasescu 2013; Wright & Wadsworth 2014).

LANSKAP KERAS DAN FUNGSINYA DALAM TAMAN MELAYU

Seperti juga dalam ketamadunan dunia yang lain, fungsi dan peranan taman dalam ketamadunan Melayu mempunyai persamaan yang hampir serupa. Namun, apa yang membezakan taman dalam dunia Melayu dengan ketamadunan besar dunia adalah takrifan yang masih lagi belum dijelaskan sepenuhnya. Justeru, kajian ini memberi perhatian kepada beberapa ciri utama taman Melayu yang meliputi lanskap keras dan lanskap lembut. Justeru, dapatkan kajian ini menumpukan kepada beberapa ciri

utama taman Melayu yang meliputi lanskap keras dan lanskap lembut. Kruger & Seville (2012:285) menyatakan bahawa binaan lanskap dalam sesebuah taman boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu lanskap lembut yang meliputi tumbuhan dan tanah manakala lanskap keras tertumpu kepada elemen bukan tumbuhan seperti kolam, pagar, laluan dan sebagainya. Seperti tumbuhan yang menjadi ciri utama lanskap lembut, elemen lanskap keras boleh memberikan suatu kesan estetika yang tertentu (Davitt 2008).

Selain itu, dapatan kajian turut memberikan perhatian kepada elemen lanskap keras paling asas dalam kebanyakan taman Melayu yang menjadi lokasi kajian ini seperti rumah, wakaf, kolam, tempayan dan pagar. Kelima-lima elemen lanskap keras ini digunakan untuk pelbagai tujuan termasuklah ruang kediaman atau peribadi, keselamatan, pengairan, minuman dan kebersihanserta merehatkan diri. Rumah Melayu telah banyak disebut dalam kebanyakan kajian lepas (Hilton 1956; 1992; Sheppard 1969; Wong 1995; Wan Burhanuddin 1981). Namun, pengertian terhadap apa yang dipanggil sebagai rumah Melayu agak rumit untuk diterjemahkan kerana istilah Melayu itu sendiri yang ditafsirkan mengikut perlombagaan Malaysia iaitu seseorang individu yang beragama Islam, bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat Melayu. Menurut Wan Burhanuddin (1981), tafsiran ini telah merumitkan pengertian terhadap konsep rumah Melayu kerana terdapat pelbagai contoh yang kadangkala tidak selari di antara pengertian dengan individu yang mendiaminya.

Namun seperti yang dinyatakan lebih awal oleh Hilton (1992:39) pengertian terhadap rumah Melayu seharusnya sejajar dengan bahasa, agama dan persekitaran budaya. Pandangan ini dipersetujui oleh beberapa sarjana yang menyatakan bahawa prinsip asas rumah dalam konteks masyarakat Melayu perlu berdasarkan pemahaman terhadap keperluan utama orang Melayu iaitu cara hidup serta budaya sehari-hari (Ghafarrian & Dahlan 2012). Malahan, rumah Melayu tradisi tidak dicipta oleh sesiapa tetapi terbentuk dan berevolusi dari satu generasi ke satu generasi. Justeru, boleh dinyatakan di sini bahawa konsep rumah dalam masyarakat Melayu mempunyai hubungkait yang cukup rapat dalam pembentukan taman Melayu itu sendiri. Sarjana seperti Thompson (2004) turut menekankan bahawa rumah tradisi Melayu adalah suatu lokasi yang sesuai untuk mengkaji dan memahami budaya

masyarakat Melayu. Sehubungan itu, gambaran awal mengenai taman Melayu boleh diperhalusi melalui pengaruh lanskap keras seperti rumah.

Berdasarkan pemerhatian di kesemua lokasi kajian ini, rumah menjadi elemen utama lanskap keras dalam proses pembinaan taman. Dengan perkataan lain, taman Melayu tidak akan sempurna tanpa rumah. Menurut Ismail et al. (2015) kawasan rumah masyarakat Melayu biasanya dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian hadapan rumah, tepi rumah dan belakang rumah. Namun, penempatan lanskap keras seperti rumah orang Melayu adalah bergantung kepada pemilihan lokasi yang strategik dan turut mempengaruhi kedudukan taman yang biasanya berada di hadapan, sisi dan belakang. Misalnya, rumah warisan Haji Su yang diuruskan oleh Muzium Terengganu mempunyai ketiga-tiga ruang penting ini yang tidak sahaja diisi dengan lanskap lembut tetapi juga lanskap keras yang lain. Selain rumah, satu lagi lanskap keras yang biasa dilihat dalam lokasi kajian ialah pagar yang biasanya dihasilkan menggunakan kayu atau menggunakan lanskap lembut tertentu seperti pokok buluh. Ahmad (2006) menyatakan bahawa pagar merupakan elemen biasa yang membentuk ciri-ciri bagi lanskap Melayu. Seperti juga rumah, pagar sebagai salah satu lanskap keras tidak hanya berfungsi sebagai pelindung dari segi keselamatan kepada isi rumah tetapi menyediakan suatu ruang peribadi. Misalnya, pagar dapat memberikan suatu persekitaran untuk melindungi sebarang aktiviti yang bersifat peribadi dalam lingkungan ruang hadapan, sisi dan belakang rumah.

Selain itu, pagar turut menjadi penanda kepada pemilikan ruang atau kawasan yang tertentu. Pagar sering dikaitkan dengan pintu gerbang yang menjadi identiti golongan istana dan bangsawan pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu khususnya di Melaka. Menurut Razali & Talib (2013), pembahagi berbentuk dinding atau gerbang sering dibina bagi membentuk ruang peribadi bagi wanita khususnya di kawasan ruang tamu, dapur dan bilik tidur yang dilarang masuk oleh kalangan bukan keluarga. Sebagai contoh, Rumah Warisan Haji Su dan Kota Lama Duyung di Terengganu serta Taman Seribu Bunga di Melaka telah mempamerkan ciri-ciri pagar dan pintu gerbang yang jelas tidak hanya menggambarkan ruang peribadi tetapi juga status kekayaan atau latar belakang bangsawan.

Satu lagi ciri lanskap keras yang ketara dalam Taman Melayu ialah wakaf. Pembinaan wakaf merupakan sebahagian daripada lanskap taman

Melayu yang telah ada sejak zaman Kesultanan Melaka lagi. Menurut A Ghafar (2003), "wakaf adalah struktur pembinaan kayu yang ringkas bagi tujuan peneduhan dan juga sebagai tempat rehat dan makan terutamanya kepada para petani yang bekerja di sawah". Kewujudan wakaf boleh dibuktikan dengan terdapatnya pembinaan wakaf dalam setiap taman awam yang terdapat di negara ini. Antaranya termasuklah Taman Botani Pulau Pinang, Taman Tasik Taiping, Taman Tasik Perdana, Taman Seribu Bunga, Melaka, Taman Muzium Negeri Terengganu dan beberapa buah taman lagi diseluruh negara. Selain itu, bukti kewujudannya juga banyak diceritakan dalam buku Hikayat Melayu lama seperti *Hang Tuah, Sulalatus al-Salatin (Sejarah Melayu)* *Bustan al-Salatin (Taman Raja-raja)* dan divisualkan menerusi filem-filem Melayu klasik seperti *Batu belah batu bertangkup* dan *Air mata duyong*.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Ismail & Ahmad (2006), struktur binaan dan komponen yang digunakan dalam pembinaan wakaf turut dipengaruhi oleh fungsi dan keperluan masyarakat setempat yang berkait rapat dengan faktor ekonomi, teknologi, politik, sosial dan geografi. Ini dapat dilihat pada perbezaan bentuk wakaf yang dibina sama ada pemilikan awam atau individu. Perbezaan paling ketara dapat dilihat berdasarkan jenis kayu yang digunakan. Ini termasuklah kayu buluh atau kayu lembut seperti kayu getah dan jenis kayu keras seperti kayu jati atau cengal. Selain faktor ini, peredaran masa turut mempengaruhi struktur binaan wakaf. Misalnya, perkembangan teknologi telah menggalakkan mobiliti khasnya dari segi kemudahan logistik. Peningkatan penggunaan lebuhraya khususnya pada musim perayaan telah menggalakkan pembinaan wakaf di setiap kawasan Rawat dan Rehat.

Lanskap keras lain yang kebiasaannya melatari gaya dan konsep taman Melayu ialah kolam dan tempayan. Selain membekalkan air bagi tumbuhan (Rosley 2014) dan keperluan sehari-hari seperti pembersihan diri dan memasak, kolam dan tempayan mampu mewujudkan pandangan estetika (Zakaria, Salleh & Rashid 2013b). Kepentingan kolam dan tempayan telah dinyatakan dalam pelbagai manuskrip Melayu lama termasuklah *Bustan al-Salatin* dan *Hikayat Hang Tuah*. Tempayan atau disebut juga dengan nama pasu jelas tercatat dalam *Bustan al-Salatin* atau Taman Raja-Raja yang ditulis oleh Nuruddin ar-Raniri pada tahun 1636. Sebagai contoh, "Dan adalah keliling

pulau itu karang berbagai-bagai warna, bergelar Pancalogam. Di atas pulau itu suatu pasu, iaitu permandian, bergelar Sangga Mamaq". Pada hari ini, penggunaan pasu diterjemahkan semula menerusi penempatannya dalam lanskap dan binaan taman khususnya menerusi tema neotradisional (Hartini 2016). Namun, susun aturnya juga bergantung pada kesesuaian ruang dan penggunaan.

Dalam kebanyakan filem Melayu klasik khasnya yang berkaitan dengan kehidupan Istana dan bangsawan, kolam tidak hanya menjadi tempat bersiram tetapi bertindak sebagai lambang status keluarga dalam masyarakat. Keadaan ini jelas terpapar dalam filem Melayu *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Puteri Gunung Banang*, dan *Badang*. Kebanyakan wanita berdarah raja dan bangsawan akan mandi di kolam sambil ditemani oleh dayang-dayang yang menjadi penjaga dan juga penghibur. Kolam biasanya terletak di belakang Istana dan rumah-rumah bangsawan. Berbeza dengan konsep taman moden pada hari ini yang biasanya meletakkan kolam di halaman depan rumah, kolam dalam konteks taman Melayu amat bersifat peribadi dan digunakan dalam kalangan ahli keluarga sahaja. Kepentingan kolam dan tempayan turut jelas kelihatan di semua lokasi kajian ini khususnya di Rumah Warisan Haji Su, Terengganu dan Taman Seribu Bunga, Melaka.

TUMBUHAN: KEDUDUKAN DAN PERANANNYA DALAM TAMAN MELAYU

Pembinaan taman Melayu perlu dilengkapi dengan satu lagi elemen penting iaitu lanskap lembut yang terdiri daripada tumbuhan yang datang daripada pelbagai spesis tertentu. Dalam kajian ini, lanskap lembut boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu tumbuhan *superplentyakni* pelbagai guna dan tumbuhan biasa yang lazim ditemui dalam mana-mana taman Melayu. Daripada dua kategori tersebut, tumbuhan yang ditemui dalam kajian ini boleh dibahagikan lagi kepada fungsi-fungsi yang tertentu termasuklah untuk tujuan perubatan tradisional seperti rawatan penyakit kronik, penyakit biasa, penyakit yang berkaitan dengan kaum wanita dan lelaki sahaja serta penjagaan diri secara umum.

Fungsi tanaman ini juga dinilai berdasarkan budaya dan amalan ritual dalam masyarakat Melayu. Selain itu, analisis dapatan lanskap lembut turut menumpukan kepada penggunaan tanaman ini dalam masakan Melayu dan fungsinya sebagai

sumber makanan. Kepentingan tanaman ini juga dilihat daripada aspek kegunaan lain termasuklah sebagai tanaman wangian aromatik, pelindung dan teduhan, alatan dapur dan rumah, seni perhiasan serta senjata. Kedudukan tumbuhan dalam taman Melayu membawa pelbagai pengertian yang tertentu berdasarkan fungsinya. Dapatan kajian secara umum memperlihatkan bahawa lanskap taman Melayu boleh dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu hadapan, sisi dan belakang. Setiap bahagian ini perlu ditanam dengan tumbuhan yang tepat bagi mencerminkan fungsi dan peranannya dalam budaya masyarakat Melayu.

Ruang hadapan merupakan kawasan yang menghadap ke laluan utama atau jalan masuk. Ruang ini biasanya berfungsi sebagai ruang serbaguna yang digunakan sebagai tempat aktiviti komuniti seperti kenduri-kendara dan permainan tradisional. Tanaman yang terdapat di bahagian ruangan ini biasanya terdiri daripada tanaman hiasan yang berbunga, berbau dan bersaiz kecil yang bertujuan mewujudkan suasana yang menarik, nyaman dan menaikkan seri laman kediaman. Tanaman yang terdapat di sini juga mempunyai persamaan dari segi susun atur yang tidak berapa padat. Jenis tanaman di bahagian ini mempunyai ciri-ciri berbunga, berwarna-warni, berbau wangi, bersaiz kecil dan boleh diubah tempat. Ini bertujuan untuk memberi seri kepada ruang hadapan rumah. Fungsi tanaman di ruang hadapan bertujuan mewujudkan seni estetika di samping mewujudkan suasana alu-aluan kepada tetamu.

Antara pokok hiasan yang ditanam pada ruangan ini termasuklah Bunga Melur (*Jasminum Sambac*), Kenanga (*Cananga Odorata Var. Fruticosa*), Bunga Tanjung (*Mimusops Elengi L.*) dan Kesidang (*Vallaris Glabra*). Ciri yang terdapat pada setiap tumbuhan berbunga seperti ini seringkali mempengaruhi konteks laman hadapan khasnya dari segi susunannya. Sebagai contoh, tumbuhan yang lebih kecil ditempatkan pada ruang hadapan bagi mengelakkan rumah terlindung dari pandangan. Kebiasaannya, pokok yang lebih besar akan ditempatkan di kawasan pinggiran ruang bagi membentuk halangan atau pagar. Keperluan untuk menyusun pokok-pokok hiasan dalam ruang ini juga mendorong pasu digunakan bagi mencantikkan lagi bahagian hadapan rumah. Peredaran masa dan penemuan dalam penyelidikan turut mempengaruhi pemilihan tumbuhan dalam taman Melayu. Contohnya, pokok yang tidak berbunga seperti lidah buaya turut ditempatkan di halaman depan rumah

berdekatan dengan pintu masuk. Spesis tumbuhan ini mempunyai faedah perubatan yang amat berguna kepada isi rumah termasuklah untuk tujuan rawatan luka, demam dan kosmetik.

Pada ruang sisi atau ruang tengah pula terdapat tumbuhan bersaiz besar yang boleh memberi teduhan – sesuai dengan fungsi ruang ini sebagai ruang istiherat. Selain terdapat pokok teduhan, jenis-jenis tanaman lain yang sering mengisi ruang ini termasuklah pokok buah-buahan yang biasanya melindungi pandangan. Untuk tujuan ini, pokok buah-buahan dengan daun yang merimbun akan membentuk dinding penghadang bagi mewujudkan ruang lingkup yang amat bersifat peribadi. Selain tanaman buah-buahan seperti Rambutan (*Nephelium Lappaceum*), Mangga (*MurrMangifera indica L.*), Ciku (*M.Zapota*), Belimbing (*Averrhoa Carambola*) dan Pisang (*Musa Acuminata*), bahagian ini juga ditanam dengan tumbuhan yang digunakan untuk tujuan perubatan seperti Jerangau (*Acorus calamus L*), Lidah Buaya (*Aloe vera L*), Lengkuas (*Alpinia galanga(L.) Willd*), Pinang (*Areca Catechu*), Lada Besar (*Capsicum Annum*), Cili Burung (*C.frutescens*), Limau Purut (*Citrus Hystrix*), Limau Kasturi (*Citrus macrocarpa*), Telang (*Clitoria Ternatea*), Kelapa (*Cocos Nucifera*), Keladi (*Caladium*), Ulam Raja (*Cosmos Caudatus*), Kunyit (*CurcumaDomestica Valeton*), Bakawali (*Epiphyllum anguliger*), Kantan (*Etlingera elatior*), Asam Gelugur (*Garcinia atroviridis*), Ubi Keledek (*Ipomoea batatas*), Melur (*Jasminum*), Cekur (*Kaempferia galangal*), Inai (*Lawsonia inermis*), Ubi Kayu (*Manihot esculenta*), Pudina (*Mentha arvensis L*), Cempaka Putih (*Magnolia × alba*), Cempaka Kuning (*Magnolia champaca*), Tanjung (*Mimusops eleng*), Merunggai (*Moringa oleifera*), Kari (*Murraya koenigii*), Pandan (*Pandanus Amayllifolius*) Petai (*Parkia speciose*), Sirih (*Piper betle*), Lada Hitam (*Piper nigrum*), Kaduk (*Piper sarmentosum*), Kesum (*Persicaria odorata*), Serai Kayu (*Syzygium polyanthum*), Asam Jawa (*Tamarindus indica*), Halia (*Zingiber officinale*) dan Lempoyang (*Zingiber zerumbet*).

Tumbuhan yang mengisi ruang belakang rumah biasanya ditanam untuk tujuan masakan. Tanaman yang terdapat pada bahagian ini ditanam dengan lebih padat dan sesuai untuk melindungi dan menapis elemen yang kurang dari segi nilai estetika. Ini kerana, lanskap keras yang biasanya diletakkan dalam ruangan ini seperti bangsal, reban, kolam, tandas dan bilik mandi mendorong tumbuhan yang

lebih padat digunakan untuk menutup rasa kurang selesa pada bahagian ini. Selain itu, tumbuhan di halaman ini berfungsi sebagai penyerap pencemaran air, bau dan pemandangan. Antara tumbuhan yang sering ditanam di ruangan ini termasuklah pandan, keladi, serai, halia dan tanaman yang boleh dijadikan ulaman. Pokok pandan (*pandanus amaryllifolius*) sebagai contoh mempunyai pelbagai kegunaan dan sering ditanam di bahagian belakang rumah. Daun pandan digunakan dalam mandian selepas bersalin (Burkill 1966). Infusi daun yang dicampur dengan infusi daun lengkuas (*Alpinia galangal*), Kunyit (*Curcuma Domestica Valeton*) dan Serai Wangi (*Cymbopogon nardus*) boleh merawat kegatalan faraj (Ong, Zuki dan Milow2011). Pandan juga digunakan dalam industri minyak wangi tempatan, kosmetik tradisional dan bunga rampai manakala daun pandan boleh juga dijadikan bakul dan tikar (Ong2008). Dalam masakan Melayu, jus daun pandan sering digunakan untuk mendapatkan bau atau warna pandan pada agar-agar, gula-gula, kek, kordial, kuih-muih, minuman, nasi, taufu, dan sebagainya. Daun pandan juga digunakan untuk membungkus isi ayam, daging, ikan, bagi memberi bau masakan yang enak (Ong 2008; Milow 2011).

Kawasan belakang rumah juga biasanya dipenuhi dengan pokok buah-buahan dan tumbuhan yang boleh dijadikan makanan seperti pokok pisang, pelbagai pokok limau seperti limau purut dan limau kasturi, pokok kari dan sebagainya. Kebiasaannya, ruang belakang rumah adalah kawasan yang berhampiran dengan dapur. Lantaran kawasannya yang kurang menarik, komponen biasa yang dijumpai dalam ruang ini termasuklah bangsal, reban, kolam, tandas dan bilik mandi. Tanaman yang biasa terdapat pada ruang ini juga amat dekat dengan punca air seperti kolam limpahan air. Antaranya termasuklah pokok Jerangau (*acorus calamus L*) yang berasal daripada famili *acoraceae*, pokok Ulam Raja (*cosmos caudatus Kunth*) daripada spesis keluarga *asteraceae*, Pudina (*Mentha arvensis L*) daripada spesis keluarga *lamiaceae* atau Daun Kesom (*Persicaria odorata*) daripada spesis keluarga *polygonaceae* yang sering menjadi kegunaan dalam kebanyakan masakan orang Melayu.

Selain itu, pokok kunyit atau nama saintifiknya *Curcuma Domestica Valeton* yang berasal daripada spesis keluarga *Zingiberaceae* turut menjadi tumbuhan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Tumbuhan ini mudah didapati di kawasan sub benua India dan kebanyakan kawasan di Asia

Tenggara. Tumbuhan herba yang sering digunakan secara meluas di seluruh negara tropika ini berdaun lebar dan runcing di hujung serta berbatang pendek dan boleh mencapai ketinggian kira-kira satu meter. Daunnya berbau wangi apabila disiat atau diramas. Kunyit mempunyai rizom yang isinya berwarna oren. Dalam perubatan tradisional, kunyit dipercayai bersifat membuang angin (*carminative*). Malahan air rebusan kunyit yang dicampur bawang dan bawang putih boleh diminum bagi merawat kembung (*cholic*) dalam kalangan kanak-kanak (Burhill & Haniff 1930). Kunyit juga digunakan untuk merawat kegatalan. Kunyit ditumbuk bersama daun sirih dan beras dan diletakkan pada bahagian abdomen untuk merawat sakit perut dan bengkak di kawasan perut.

Menurut Abdul & Aishah (2011) kunyit mempunyai peranan penting dalam hal ehwal penyakit yang berkaitan dengan kaum wanita. Misalnya, ibu kunyit, beras dan daun guni tanah yang ditumbuk dan airnya diminum dapat memulihkan dan menguatkan peranakan bagi wanita yang sukar mengandung serta menyembuhkan sistem peranakan selepas bersalin. Selain itu, kunyit yang ditumbuk bersama daun bunga melur (*Jasminum sambac*) dan dipupuk pada payudara dapat membantu meningkatkan penghasilan susu ibu. Kunyit juga boleh direbus dan diminum sebagai ubat meroyan ketika pantang (Burkill & Haniff 1930). Untuk kaum lelaki, menurut Bodeker, Salleh & Shekar (2009), kunyit juga boleh digunakan untuk mengubat luka berkhatan supaya tidak bernanah. Bagi penjagaan diri, amalan menjadikan kunyit sebagai ulam-ulaman dapat membantu untuk mencantikkan kulit (Ong & Nordiana 1999).

Dari segi amalan ritual, kunyit turut digunakan dalam upacara ‘Main Teri’ khasnya dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Selain itu, mereka menggunakan kunyit sebagai rempah, pewarna dan ubat. Kunyit memiliki warna kekuningan dan rasa kepedasan yang akan mewujudkan rasa panas. Warna kekuningan dan rasa pedas yang ada pada kunyit ini digabungkan dengan semangat yang ada pada beras dipercayai akan menghasilkan kekuatan tertentu. Kunyit juga dipercayai dapat menghalau makhluk ghaib. Pulut kuning yang menggunakan kunyit sebagai pewarna dan perasa dianggap sebagai bahan makanan yang sesuai untuk dipersembahkan kepada makhluk ghaib, baik yang menolong dalam upacara tertentu atau sebagai bahan tukaran dengan makhluk ghaib yang menganggu pesakit (Bidin 2012).

Selain itu, kunyit digunakan sebagai tangkal untuk menjaga keselamatan dan kesihatan. Tangkal dipercayai oleh masyarakat Melayu boleh mencegah dan merawat penyakit sekiranya dipakai untuk jangka masa yang lama terutama sekali dalam kalangan bayi dan kanak-kanak. Tangkal secara simboliknya menahan diri pemakai daripada diganggu cacing, ibu bisul dan juga unsur jahat. Tangkal memiliki unsur kepanasan dan kekuasaan yang membolehkan unsur yang ada dalam tubuh mati dengan sendirinya. Kebiasannya, ibu kunyit, ibu bonglai (*Oroxylum indicum*) dan ibu cekur (*Kaempferia galanga*) akan digabungkan serta diikat dengan seutas tali atau kain yang bewarna kuning (Aishah & Bidin 2010). Kunyit juga merupakan elemen penting dalam masakan Melayu. Daun kunyit digunakan sebagai perasa makanan atau pembalut makanan bagi mewujudkan aroma. Kunyit segar, kering atau serbuk digunakan sebagai rempah kari serta perisa makanan untuk ayam, daging, ikan, udang dan sayur. Kunyit muda dimakan mentah sebagai ulam, sayur atau perasa atau pembuka selera. Serbuk kunyit turut digunakan sebagai pewarna kuih-muih, manisan, sos serta makanan yang diproses (Ong 2008).

KESIMPULAN

Seperti yang telah ditafsirkan pada bahagian awal artikel ini tafsiran terhadap taman Melayu adalah bergantung kepada lokasi petempatan masyarakat Melayu di semenanjung Malaysia. Seperti yang diketahui, orang Melayu amat mementingkan keharmonian dan ketenangan dalam mewujudkan seni bina taman. Kedua-dua aspek ini dapat diterjemahkan menerusi lanskap keras dan lanskap lembut yang menghiasi estetika dalaman dan luaran seperti yang terpapar dalam lakaran visual taman Melayu berikut. Seni pembinaan taman mencerminkan kearifan tempatan masyarakat Melayu serta usaha mereka dalam proses pelestarian biodiversiti di negara ini. Lokasi kajian ini khususnya di Muzium Terengganu, Desa Paku, Alor Gajah, Istana Besar Seri Menanti Negeri Sembilan, Rumah Warisan Haji Su, Terengganu dan Taman Seribu Bunga, Melaka secara tidak langsung memberikan idea dalam konteks semasa mengenai seni rupa dan seni bina taman Melayu. Ini kerana konsep dan takrifan taman Melayu yang tepat amat diperlukan khasnya sebagai rujukan penting generasi akan datang.

RUJUKAN

- Abdul, G. A. 2003. Pemuliharaan Warisan Seni Bina Melayu dan Islam Pulau Pinang. Dibentangkan dalam Seminar Kolokium Kebangsaan Melayu Pulau Pinang Universiti Sains Malaysia.
- Agelet, A. M., Àngels, B. and Joan, V. 2000. Homegardens and their role as a main source of medicinal plants in mountain regions of Catalonia (Iberian Peninsula). *Economic Botany* 3(54): 295-309.
- Aishah. M dan Abdul Aziz Bidin. 2017. Penjagaan kesihatan wanita semasa dalam pantang: Amalan dan kepercayaan. *Geografa- Malaysian Journal of Society and Space* 8(7): 20-31.
- Abdul Aziz, H. B. & Aishah Mohamed. 2011. Wanita Melayu dan tumbuhan ubatan: satu analisis budaya. *Jurnal Melayu* (7): 121-146.
- Ahmad, A. S. H. 2006. *Kajian Elemen Rekabentuk Landskap Melayu*. Skudai: Pusat Pengurusan Penyelidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aishah. M dan Abdul Aziz Bidin. 2010. Kepercayaan, tumbuhan ubatan dan Orang Melayu. *Manusia dan Masyarakat* 19: 70-84.
- Ali Ahmad. 2000. *Hikayat Inderaputra*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alon-Mozes, T. 2004. Gardens and the emergence of culture: The Meir Garden: The first Hebrew garden for the first Hebrew city—Tel Aviv. *Studies in the History of Gardens & Designed Landscapes* 24(1): 55-64.
- Ani, A., Mohamed, N., & Rahman, N. A. 2012. Socio-cultural influences in the composition of traditional Malay house compounds in rural Melaka. *ALAM CIPTA, International Journal of Sustainable Tropical Design Research and Practice* 5(1): 64-78.
- Arba'iyah Mohamad. 2014. Menyingkap ilmu perubatan Melayu tradisional. *Jurnal Sejarah* 22(1): 21-44.
- Babaie, S. 1997. Paradise Contained: Nature and culture in Persian Gardens. *The Studio Potter* 25(2): 10-13.
- Burkill, I. H. 1966. *A Dictionary of Economic Products of the Malay Peninsular*. Kuala Lumpur: Ministry of Agriculture and cooperatives.
- Bidin, A. A. H. 2012. Tumbuhan dalam upacara perbomohan: Kes Main Teri di Kelantan. *Geografa: Malaysian Journal of Society and Space* 8(4): 56-63.
- Bodeker, G., Salleh, H., & Shekar, S. C. 2009. *Health and Beauty from the Rainforest: Malaysian Traditions of Ramuan*. Kuala Lumpur: Didier Millet.
- Bors-Oprisa, S., & Tanasescu, I. 2013. Restoration and conservation of gardens, parks and historic landscapes in terms of multidisciplinary guidelines. *Agricultura-Revistă de Știință și Practică Agricolă* 22(1/2): 133-136.
- Burkill, I. H. & Haniff, M. 1930. The garden's bulletin: Straits settlement. VI (2): 167-332.
- Carneiro, A. R. S., Menezes, J. F., & Mesquita, L. 2004. The conservation of historical gardens in a multidisciplinary context: the "Cactário da Madalena", Recife, Brazil. *City and Times* 1(2): 25-35.
- Cheong, C. Y. 2002. Fostering Local Knowledge and Wisdom in Globalized Education: Multiple Theories Centre for Research and International Collaboration. *Hong Kong: Hong Kong Institute of Education*.
- Clunas, C. 2013. *Fruitful sites: Garden culture in Ming Dynasty China*. London: Reaktion Books.
- Dalley, S. 2013. *The Mystery of the Hanging Garden of Babylon: An Elusive World Wonder Traced*. Oxford: Oxford University Press.
- Davitt, K. 2008. *Hardscaping: How to Use Structures, Pathways, Patios & Ornaments in Your Garden*. London: Sterling Publishing Company, Inc.
- Davison, J. 2014. *Balinese Architecture*. Vermont: Tuttle Publishing.
- Demaio, A. 2011. Local wisdom and health promotion: barrier or catalyst? *Asia Pacific Journal of Public Health* 23(2): 127-132.
- Duncan Jr, J. S. 1973. Landscape taste as a symbol of group identity: A Westchester County village. *Geographical Review* (1973): 334-355.
- Francis, M., & Hester, R. T., eds. 1990. *The Meaning of Gardens: Idea, Place, and Action*. Massachusetts: MIT Press.
- Harian Metro. 2016. Ubahsuai lanskap lama, 23 Julai.
- Gadgil, M., Berkes, F., & Folke, C. (1993). Indigenous knowledge for biodiversity conservation. *Ambio*: 151-156
- Gardenasiagram. 2019. Desa Paku – Secret Gardens, vol 1.
- Ghaffarian Hoseini, A., & Dahlán, N. 2012. The essence of Malay vernacular houses: towards understanding the socio-cultural and environmental values. *Journal of the International Society for the Study of Vernacular Settlements* 2(2): 53-73.
- Hamilton, A. W., & Holtum, R. E. 1933. A Malay Garden. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 11(2): 139-143.
- Harte, M. J. 1995. Ecology, sustainability, and environment as capital. *Ecological Economics* 15(2): 157-164.
- Harun, M. P. 2015. Ilmu perubatan Melayu tradisional dari naskhah-naskhah lama. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 3(3): 3-17.
- Heinberg, R., & Lerch, D. 2010. What Is Sustainability?. *The Post Carbon Reader* : 11-19.
- Hilton, R. N. 1956. The basic Malay house. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 29 (175): 134-155.
- Hunt, J. D. 2000. *Greater Perfections: The Practice of Garden Theory*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hunt, J. D. 1994. *Gardens and the Picturesque: Studies in the History of Landscape Architecture*. Massachusetts: MIT Press
- Hussain, N. H. M., & Byrd, H. 2012. Towards a compatible landscape in Malaysia: An idea,

- challenge and imperatives. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 35: 275-283.
- Ismail, Z., & Ahmad, A. S. 2006. Modularity Concept in Traditional Malay House (TMH) in Malaysia. Paper Presented at the International Conference on Construction Industry, Universitas Bung Hatta, Indonesia.
- Ismail, N. A., Ariffin, N. F., Ismail, S., Yunos, M. Y. M., & Utaberta, N. 2015. Understanding characteristics of the Malay cultural landscape through pantun, woodcarving and old literature. *Advances in Environmental Biology* 9(24):137-141.
- Janzen, D. 1999. Gardenification of tropical conserved wildlands: multitasking, multicropping, and multiusers. *Proceedings of the National Academy of Sciences* 96(11): 5987-5994.
- Kaboudarahangi, M., Tahir, O. M., & Kamal, M. 2013. Malaysia's three major ethnic group preferences in creating a Malaysian garden identity. *Australian Geographer* 44(2): 197-213.
- Kamsah, K. 1997. Enhancing the Natural and Cultural landscape through Research and Education Collaborations. Paper presented at the Landscape Architecture Seminar: Towards Garden City: Vision and Challenges, Kuala Lumpur.
- Kuhlman, T., & Farrington, J. 2010. What is sustainability? *Sustainability* 2(11): 3436-3448
- Kumalah, M. J., Saat, G., Mapjabil, J., Hussin, R., Afrizal, T., & Talip, M. A. 2017. Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berdasarkan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11(12): 45-60.
- Kassim, A. 1997. *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- KPKT. 2011. *Dasar Lanskap Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Lanskap Negara.
- Kruger, A., & Seville, C. 2012. *Green Building: Principles and Practices In Residential Construction*. Clifton Park, NY: Cengage Learning.
- Mahmoudi, F. L., Bahareh, M. dan Elmira, J. 2016. Persian gardens: Meanings, symbolism, and design. *Landscape Online* 46 (2016): 1-19.
- Milow, P., Ghazali, N. H., Mohammad, N. S., & Ong, H. C. 2011. Characterization of plant resource at Kampung Parit Tok Ngah, Perak, Malaysia. *Scientific Research and Essays* 6(13): 2606-2618.
- MPHTJ. 2019. Taman Seribu Bunga, 28 Mac.
- Museum Terengganu. 2013. Sejarah Muzium, 25 Jun
- Najihah, J. & Nor Zalina Harun. 2016. The influences of culture in plant selection of the traditional Malay garden. Paper presented in UMRAN-Landscape National Seminar IIUM, Gombak.
- O'Connor, J. E. 1988. History in images/images in history: Reflections on the importance of film and television: study for an understanding of the past. *The American Historical Review* 93(5): 1200-1209.
- Ong, H. C., Zuki, R. M., & Milow, P. 2011. Traditional knowledge of medicinal plants among the Malay villagers in Kampung Mak Kemas, Terengganu, Malaysia. *Studies on Ethno-Medicine* 5(3): 175-185.
- Ong, H. C., & Nordiana, M. 1999. Malay ethno-medico botany in Machang, Kelantan, Malaysia. *Fitoterapia* 70(5): 502-513.
- Ong, H. C. 2008. *Rempah-Ratus: Khasiat Makanan & Ubatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Razali, N. H. M., & Talib, A. 2013. The concept of privacy and the malay dwelling interior space planning. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 101: 404-414.
- Ruggles, D. F. 2011. *Islamic Gardens and Landscapes*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press
- Siti Hawa Salleh. ed. 1992. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Salfarina A. G. & Daniel U A E, 2013. Tren penanaman dan kegunaan tumbuhan herba dalam kalangan masyarakat Melayu di Balik Pulau, Pulau Pinang. e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan 8 (1): 1-9.
- Sheppard, T. S. H. M. 1969. Traditional Malay House Forms in Trengganu and Kelantan. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 42(216): 1-9.
- Shellabear, W. G. 1994. *Sejarah Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Thompson, E. 2004. Rural Villages as Socially Urban Spaces in Malaysia, *Journal of urban studies* 41(12): 2357-2376.
- Utusan Malaysia. 2016. Istana Seri Menanti, senibina Islam tempatan, 4 Mac
- Wai-Sung Wong. 1995. Timber structures in Malaysian architecture and buildings. Master Dissertation. University of Tasmania, Australia
- Wan Burhanuddin Wan Abidin. 1981. The Malay house: Rationale and changes. Master dissertation. Massachusetts Institute of Technology, USA.
- Werner, R. 2002. *Medicine in Malay Villages*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Wright, S. D., & Wadsworth, A. M. 2014. Gray and green revisited: A multidisciplinary perspective of gardens, gardening, and the aging process. *Journal of Aging Research* 1(2): 14-20.
- Wu, J. 2006. Landscape ecology, cross-disciplinarity, and sustainability science. *Landscape Ecology* 21(1): 1-4
- Zakaria, A. Z., Salleh, I. H., & Rashid, M. S. A. 2013a. Landscape furniture present in the ancient Malay garden according to old manuscripts and their effects on the formation of Malay garden design concept model in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* (91): 28-35.
- Zakaria, A. Z., Salleh, I. H., & Rashid, M. S. A. 2013b. Malay landscape elements as depicted in the old

- Malay films. *Jurnal Pengajian Melayu* 24(1): 122-137.
- Zakaria, A. Z., Salleh, I. H., & Rashid, M. S. A. 2014. Identity of Malay Garden Design to be Promoted as the Cultural Tourism Product in Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* (153): 298-307.
- Zakaria, A. Z., Salleh, I. H., Harun, S. N., & Rashid, M. S. A. 2015. Preservation Characteristics of Malay Garden: A Catalyst for Sustainable Cultural Landscape in Malaysia. In *International Colloquium of Art and Design Education Research (i-CADER 2014)* Springer Singapore.

MD AZALANSHAH MD SYED
Department of Media and Communication Studies,
Faculty of Arts and Social Sciences
University Malaya
Malaysia
E-mail: azalan@um.edu.my

AZIZAH HAMZAH
Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu
Universiti Malaya
Malaysia
E-mail: azizahum@gmail.com

HALIJAH IBRAHIM
Institut Sains Biologi
Universiti Malaya
Malaysia
E-mail: ihalijah@um.edu.my

Received: 11 August 2018
Accepted: 25 May 2019